

Mahabah Aidilfitri Pejabat Pendaftar 2024



Konvensyen

Kumpulan Inovatif dan Kreatif
Kali Ke-7 UTeM

Audit Dalaman 2024
Sistem Pengurusan Kualiti

Hari Bersama Pelanggan
Tahun 2023

Bengkel Peraturan
Akademik

Isi KANDUNGAN

Sekapur SIREH

Audit Tenaga AUDIT PENGURUSAN TENAGA PTj UTeM (MaPTeP) Kompleks Dewan Kuliah	4
Tahniah KENAIKAN PANGKAT STAF Tahun 2023	5
Pemertuan KUMPULAN KIK UTeM KE ICQCC 2023 CHINA BERTEMPAT DI CHINA NATIONAL CONVENTION CENTER (CNCC), BEIJING, CHINA Pada 31 Oktober - 2 November 2023	8
Hari Bersama Pelanggan POLIS BANTUAN, PEJABAT KESELAMATAN Tahun 2023	9
Konvensyen KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KALI KE - 7 Peringkat UTeM	13
Perpindahan SELAMAT BERPINDAH KE PEJABAT BAHARU Staf Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)	16
Peperiksaan Akhir SEMESTER I-2023/2024 Ijazah Sarjana Muda dan Diploma	18
Majlis Apresiasi MERAIKAN PERSARAAN DAN PERTUKARAN PENEMPATAN STAF Bahagian Sumber Manusia	19
Laporan PEJABAT KESELAMATAN UTeM	21
Laporan SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS Mac - April 2024	24
Bengkel PERATURAN AKADEMIK Tahun 2024	26
Pelaksanaan AUDIT DALAMAN TAHUN 2024 SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015	27
Infografik	29
Aktiviti STAR Kelab Staf Pejabat Pendaftar @ Starian's	33
MINTALAH KEPADA ALLAH Miskipun Sekadar Tali Kasut	37

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Segala puji ke hadrat Allah S.WT. kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin TERAS edisi Jun tahun 2024. Tahniah saya ucapkan kepada warga Sidang Redaksi Buletin TERAS kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran kali ini.

Menjadi hasrat Pejabat Pendaftar ini untuk memastikan keperluan perkhidmatan staf universiti dapat dipenuhi. Pejabat ini turut menyalurkan maklumat yang diperlukan melalui Buletin TERAS selain Laman Web Pejabat Pendaftar. Harapan saya semoga Buletin TERAS dapat memenuhi keperluan maklumat semua pihak khususnya kepada staf Universiti. Saya turut menghargai dan mengalu-alukan semua pihak untuk memberikan maklum balas agar budaya penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dapat direalisasikan.

Pejabat Pendaftar akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pemegang taruh. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi TERAS. Kepada pembaca Buletin ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Sidang REDAKSI

PENAUNG

Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR

Siti Norani binti Dolah

EDITOR

Zulaikha binti Md Radzai

PEMBACA PRUF

Elfa Laily binti Mohd Tahir @
Mohd Ramli

SIDANG REDAKSI

Ani binti Jaffri
Nurayuni binti Mahabib
Anuarrudin bin Md Soom
Sharifah Intan binti Osman
Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

PENULIS

Ani binti Jaffri
Khusairi bin Ramli
Azrai bin Abdul Aziz
Erfa Fatin binti Bachik
Zulaikha binti Md Radzai
Sharifah Intan binti Osman
Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang
Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz

EDITORIAL

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya Buletin TERAS edisi Jun 2024 berjaya dihasilkan. Izinkan saya panjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Buletin TERAS. Buletin yang menyajikan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya. Buletin ini merupakan satu medium untuk semua staf Pejabat Pendaftar menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan khususnya tentang pelaksanaan program/aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM.

Besar harapan saya agar Buletin TERAS dapat memberi manfaat untuk semua pembaca. Terima kasih ditujukan kepada semua yang telah menyumbang pelbagai artikel dan pengalaman yang diilhamkan serta disalurkan melalui ruang ini. Berjumpa lagi dikeluarkan akan datang dengan paparan yang lebih menarik dan semoga lebih ramai yang akan tampil untuk menyumbangkan karya.

Siti Norani binti Dolah
Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar



Audit Tenaga

AUDIT PENGURUSAN TENAGA PTj UTeM (MaPTeP)

Kompleks Dewan Kuliah

Disediakan oleh: Erfa Fatin binti Bachik

25 September 2023, Kompleks Dewan Kuliah di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) telah menerima penarafan pingat perak selama dua tahun berturut-turut hasil daripada Audit MaPTeP yang telah dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, satu majlis penghargaan kepada semua jawatankuasa yang terlibat sempena kemenangan Pengurusan Tenaga BPA yang memperoleh pingat perak pada audit tahun 2022 telah diadakan di Mr. Café Taman Tasik Utama pada Disember 2023.

Semua ahli jawatankuasa telah bertungkus lumus untuk menambah baik ruang dan sudut tenaga di Kompleks Dewan Kuliah bagi memberi kesedaran kepada pelajar dan staf.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga BPA yang sangat komited untuk membudayakan kecekapan dan kelestarian dalam penggunaan tenaga di Kompleks Dewan Kuliah. Semoga terus berusaha dan kekal lestari.

KENAIKAN PANGKAT STAF

Tahun 2023

Disediakan oleh: Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang



Kumpulan Akademik
13 orang

**Staf Pentadbiran
(Kumpulan
Pengurusan &
Profesional)**
11 orang



**Staf Pentadbiran
(Kumpulan
Pelaksana)**
65 orang

Ucapan tahniah di atas kenaikan pangkat staf bagi tahun 2023 yang melibatkan Staf Kumpulan Akademik, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang telah berjaya dinaikkan pangkat bagi siri kenaikan pangkat tahun 2023. Beberapa sesi penyerahan surat kenaikan pangkat oleh Naib Canselor / Ketua Pegawai Operasi telah diserahkan kepada staf yang terlibat.





Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2023

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Ts. Luqman Hakim Bin Hamzah	Jurutera Pengajar	DV44
2	Ts Khairil Amri Bin Kamaruzzaman	Jurutera Pengajar	DV44
3	Ahmad Zul Husni Bin Che Mamat	Jurutera Pengajar	DV44
4	Ts Mohd Hafizi Bin Abdul Rahman	Jurutera Pengajar	DV44
5	Mohammad Rafi Bin Omar	Jurutera Pengajar	DV44
6	Mazran Bin Ahmad	Jurutera Pengajar	DV44
7	Ts. Muhamad Falihan Bin Bahari	Jurutera Pengajar	DV44
8	Ir. Muhammad Syahrani Bin Johal	Jurutera Pengajar	DV44
9	Ts. Fakhruddin Bin Idris	Jurutera Pengajar	DV44
10	Ts. Mohd Erdi Bin Ayob	Jurutera Pengajar	DV44
11	Ts. Mohd Anuar Bin Adip	Jurutera Pengajar	DV44



Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) Tahun 2023

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Ts. Dr. Ruziah Binti Ali	Pegawai Tadbir	N52
2	Dr. Suriya Bte Abu Kassim	Pegawai Perubatan	UD52
3	Dr. Norazah Binti Amir	Pegawai Pergiagian	UG52
4	Mohd Hary Bin Ujang	Pegawai Kewangan	W48
5	Siti Sarah Binti Bujang	Pegawai Belia Dan Sukan	S48
6	Razaman Bin Kassim	Pegawai Kewangan	W44
7	Mohamad Jumairi Bin Mohamad Yosoff	Pegawai Kewangan	W44
8	Suriyanty Binti Kasban	Juruaudit	W44
9	Suhadawati Binti Ahmad	Pegawai Tadbir	N44
10	Mohammad Al-Aiman Bin Borkhan	Arkitek Landskap	J44
11	Mudzaffar Bin Mazelan	Arkitek	J44
12	Mohd Faizuhar Bin Razali	Jurutera	J44
13	Nur Muhamad Firdaus Bin Nor Azman	Jurutera	J44



Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) Tahun 2023

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Ani Binti Jaffri	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
2	Azrai Bin Abdul Aziz	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
3	Arjunaidy Bin Demek	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
4	Hairulisam Bin Md Dom	Penolong Jurutera	JA38
5	Ts. Mohd Kamal Tarmizi Bin Razak	Penolong Jurutera	JA38
6	Asjufri Bin Muhajir	Penolong Jurutera	JA36
7	Tc. Mohd Farid Bin Johari	Penolong Jurutera	JA36
8	Muhammad Akmal Bin Abd Shukor	Penolong Jurutera	JA36



Kenaikan Pangkat Staf Pentabiran (Kumpulan Pelaksana) Secara Time- Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK) Tahun 2023

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
1	Nor' Emylia binti Mohamed	Setiausaha Pejabat	N32
2	Rahayu binti Omar	Setiausaha Pejabat	N32
3	Lela binti Omar	Setiausaha Pejabat	N32
4	Siti Roheizah binti Mohni	Setiausaha Pejabat	N32
5	Zanariah binti Ali	Setiausaha Pejabat	N32
6	Sharniza binti Zainudin	Setiausaha Pejabat	N32
7	Noor Azian binti Mahmood	Setiausaha Pejabat	N32
8	Zulaiha binti Md. Ali	Setiausaha Pejabat	N32
9	Ardiana binti Abdul Latif	Setiausaha Pejabat	N32
10	Rina Arianty binti Hashim	Setiausaha Pejabat	N32
11	Norerni binti A. Rahman	Setiausaha Pejabat	N32
12	Kamisah binti Jalil	Setiausaha Pejabat	N32
13	Nurhayati binti Mohd Shariff	Setiausaha Pejabat	N32
14	Hazleen binti Kaharudin	Setiausaha Pejabat	N32
15	Nuraisah binti Abdul Wahab	Setiausaha Pejabat	N32
16	Maswatee binti Abd Gaffar	Setiausaha Pejabat	N32
17	Rohayati binti Abdullah	Setiausaha Pejabat	N32
18	Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli	Setiausaha Pejabat	N32
19	Noor Syilawati binti Ahmad	Setiausaha Pejabat	N32
20	Honey Amalina Binti Luqman Ul-Hakim Ng	Setiausaha Pejabat	N32
21	Siti Zuriana binti Omar	Setiausaha Pejabat	N32
22	Siti Norhashimah binti Kolah	Setiausaha Pejabat	N32
23	Nur Hidayah binti Mustafah	Setiausaha Pejabat	N32
24	Norain binti Hana	Setiausaha Pejabat	N32
25	Nur Zafiqah binti Mohd Zin	Setiausaha Pejabat	N32
26	Suhaila binti Hassan	Setiausaha Pejabat	N32
27	Nordiana binti Md. Lamin	Setiausaha Pejabat	N32
28	Suhaila binti Mohd Yusof	Setiausaha Pejabat	N32

Bil	Nama	Jawatan Skim Perkhidmatan	Gred Kenaikan Pangkat
29	Azira binti Azis	Setiausaha Pejabat	N32
30	Nurmazwati binti Abdul Wahab	Setiausaha Pejabat	N32
31	Etty Marina binti Mohamad Noor	Jururawat	U32
32	Mohd Sujairi bin Harun	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
33	Nurhana binti Alias	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32
34	Ahmad Zaki bin Abdullah	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32
35	Nurul Husna binti Hamzah	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32
36	Rizathul Emma binti Taib	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32
37	Nuraini binti Zakariah	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32
38	Zulkarnain bin Hasan	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera	JA36
39	Khairunnisak binti Mazlan	Juruteknik Komputer	FT22
40	Mariana binti Mohd Amin	Penolong Akauntan Kanan	W32
41	Nur Qamar binti Maharoff	Penolong Juruaudit	W32
42	Nurul Wahidah binti Abdullah	Pembantu Juruaudit	W22
43	Norizah binti Mat	Pembantu Akauntan Kanan	W22
44	Nazri bin Bakar	Pengawal Keselamatan	KP14
45	Mohd Suhairi bin Mohd Saad	Pembantu Tadbir Kanan	N22
46	Norsuhada binti Nordin	Pembantu Taman / Ladang	G22
47	Ahmad Masmulyadi bin Mohd Yusof	Pereka	B32
48	Suria binti Abdul Rahman	Pereka	B32
49	Shahril Hazizi bin Abu Bakar	Pereka	B22
50	Norhayati binti Yakob	Pereka	B22
51	Azizol Bin Pet	Pembantu Tadbir Kanan	N22
52	Norasmara binti Mahmud	Setiausaha Pejabat	N32
53	Safinaz binti Nordin	Penolong Pengurus Asrama	N32
54	Mohd Fauzee bin Mohamed	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S32
55	Norhasanah binti Zainal	Penolong Akauntan	W32
56	Aswanzie Abbyd bin Zainal Abidin	Pembantu Hal Ehwal Islam	S22
57	Siti Nadiyah binti Othman	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UTeM KE INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC) 2023 CHINA BERTEMPAT DI CHINA NATIONAL CONVENTION CENTER (CNCC), BEIJING, CHINA

Pada 31 Oktober - 2 November 2023

Disediakan oleh: Zulaikha binti Radzai

Objektif penyertaan ini adalah untuk menggalakkan dan mempergiatkan usaha Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM dalam menghasilkan penyelesaian kreatif dan inovatif dengan memberi pendedahan mengenai aspek produktiviti dan kualiti di dalam mewujudkan impak ke atas keputusan projek. Selain daripada itu, ia merupakan platform untuk menanda aras pencapaian projek Kumpulan KIK UTeM dengan projek dari negara luar di samping mengiktiraf inisiatif dan pencapaian Kumpulan KIK UTeM khususnya bagi Kumpulan The Fame Game dan Kumpulan OMS!FKEKK.

TAHNIAH DAN SYABAS diucapkan kepada Kumpulan **OMS!FKEKK** yang telah menerima penarafan **EMAS (Gold Award)** melalui projek inovasi: *The Long Process of Moderating Assessment Questions* dan Kumpulan **FAME Game** yang telah menerima penarafan **PERAK (Silver Award)** melalui projek inovasi: *Low Utilisation of Facility Services in Faculty of Manufacturing Engineering (FKP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)*.

TAHNIAH DAN SYABAS diucapkan kepada Kumpulan KIK UTeM di atas penarafan ini



Kumpulan **OMS!FKEKK** telah menerima penarafan **EMAS (Gold Award)**
Melalui projek inovasi:
The Long Process of Moderating Assessment Questions



Kumpulan **FAME Game** telah menerima penarafan **PERAK (Silver Award)**
Melalui projek inovasi:
Low Utilisation of Facility Services in Faculty of Manufacturing Engineering (FKP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Hari Bersama Pelanggan

POLIS BANTUAN, PEJABAT KESELAMATAN

Tahun 2023

Disediakan oleh: Azrai bin Abdul Aziz

5 Disember 2023, Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM telah berjaya menganjurkan Hari Bersama Pelanggan Tahun (HBP) 2023. Penganjuran ini adalah julung kali diadakan dan akan dianjurkan sebagai acara tahunan Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM. Antara objektif penganjuran Hari Bersama Pelanggan Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan Tahun 2023 adalah seperti berikut;

- Menterjemahkan pemerkasaan Pelan Strategik 2023-2025 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
- Meningkatkan jalinan hubungan dan kesefahaman di antara Pejabat Keselamatan dan warga UTeM.
- Membina imej positif UTeM Pejabat Keselamatan, Polis Bantuan dalam kalangan warga UTeM.

Pelbagai aktiviti disediakan sebagai platform bagi menghargai pelanggan seperti Sesi Perkongsian Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kuiz Keselamatan, Pameran Statik, Kaunter Rayuan Denda/Saman PDRM dan Pejabat Keselamatan, serta *Briskwalk*.

Hari Bersama Pelanggan Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan Tahun 2023 dimulakan dengan pelaksanaan Kuiz Keselamatan bagi memupuk budaya peka kepada inisiatif dan *Key Performance Indicator* (KPI) keselamatan agar warga UTeM dapat memahami fungsi Pejabat Keselamatan.

“
Tekad kami barisan pimpinan Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM adalah untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik sesuai dengan KPI yang dipertanggungjawabkan
”

Hari Bersama Pelanggan ini telah dirasmikan oleh YBr. Encik Masdzarif Bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi di Dewan Auditorium Canselor.

Pada masa yang sama, turut diadakan satu slot perkongsian ilmu bertajuk: **Sifar Jenayah & Sifar Kemalangan Dalam Konteks UTeM**. Panel Jemputan adalah dari Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Ibu Pejabat Kontijen (IPK) Melaka iaitu Deputy Superintendan Polis (DSP) Nor Azlinda Binti Hj Nordin, Pegawai Turus Kependidikan Komuniti Melaka dan moderator

bagi slot tersebut adalah Kapten (B) Ahmad Shakir Bin Yahaya, Pengarah Pejabat Keselamatan. Majlis perasmian dan sesi perkongsian ini juga turut diadakan secara dalam talian melalui platform Facebook UTeM.



Bagi menghargai pelanggan, Pejabat Keselamatan UTeM menawarkan pengurangan saman trafik sebanyak 70% dan PDRM menawarkan pengurangan saman trafik (dalam negeri Melaka) sehingga 30%. Sepanjang program berlangsung Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) IPK Melaka menerima 57 permohonan pengurangan saman dan pengunjung direkodkan seramai 283 orang.



Pertandingan *Mini Obstacles Challenge* telah menarik minat 23 orang peserta kategori lelaki manakala tiada wakil bagi kategori wanita. Ia dijalankan dengan tujuh (7) disiplin dan dimulakan dengan *tyre flip*. Pertandingan telah dimenangi oleh saudara Tan Jun Ming, pelajar UTeM.

Pertandingan *Street Soccer* pula melibatkan sebanyak tujuh (7) kumpulan dengan setiap satu kumpulan dianggotai oleh tiga (3) orang peserta. Pertandingan telah diadakan di sekitar Bangunan Pejabat Keselamatan.



Bagi memeriahkan lagi program, Pejabat Keselamatan memperlihatkan kepada pengunjung peralatan tugas Unit Trafik, Unit Operasi dan Unit Siasatan melalui Pameran Statik. Melalui pameran ini, pengunjung dapat melihat secara dekat alatan khas yang digunakan seperti sangkar anjing, alat kunci tayar (*clamping*), alat menangkap ular dan lain-lain lagi.

Acara kemuncak adalah program *Briskwalk* dengan penglibatan staf, pelajar UTeM dan pihak IPD Alor Gajah dengan jarak perjalanan sejauh 3.22 km. Program telah dimulakan dengan pelepasan peserta oleh YBr. En. Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM di Dataran Canselor. Sebelum itu para peserta diberi taklimat pergerakan dan mengikuti sesi regangan oleh staf Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM.

Di akhir program, penyampaian hadiah bagi pemenang bagi acara *Mini Obstacles Challenge* dan *Street Soccer* telah diadakan.

Pejabat Keselamatan mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada YBr. Ketua Pegawai Operasi, semua staf Pejabat Pendaftar, pelajar BKKM 1501, Rakan Polis, PDRM dan seluruh warga UTeM yang menjayakan Hari Bersama Pelanggan, Polis Bantuan Tahun 2023.





Konvensyen

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KALI KE - 7

Peringkat UTeM

Disediakan oleh: Zulaikha binti Radzai

Konvensyen KIK peringkat UTeM kali ke-7 telah diadakan pada 7 Disember 2023 bertempat di Auditorium Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan, Kampus Induk, UTeM. Konvensyen KIK kali ini melibatkan penyertaan daripada tujuh (7) kumpulan KIK daripada enam (6) Pusat Tanggungjawab iaitu:

1. Kumpulan **SmartSoul** dari Pejabat Pendaftar
2. Kumpulan **SUI Generis** dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
3. Kumpulan **Tech Team** dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP)
4. Kumpulan **ALPHA** dari Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)
5. Kumpulan **Fast Lane** dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE) & Fakulti Teknologi dan

Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK)

6. Kumpulan **Auxi Tech** dari Pejabat Pendaftar
7. Kumpulan **Tech Miester** dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP) & Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)

Penganjuran Konvensyen KIK adalah bertujuan untuk mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan di samping menyokong hasrat universiti untuk mengoptimumkan sumber sedia ada dan turut menyokong dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan Universiti dengan lebih teliti, cekap, berkesan dan mempunyai *value for money*.

Setiap kumpulan telah dinilai oleh Ketua Panel dan Panel yang terdiri daripada tiga (3) orang juri berpengalaman iaitu wakil dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Proton Malaysia.

Berikut merupakan pemenang KIK di peringkat Konvensyen KIK kali ke-7:

Kategori Pengurusan

1. **Johan** Kumpulan Tech Miester
2. **Naib Johan** Kumpulan SmartSoul
3. **Tempat Ketiga** Kumpulan SUI Generis

Kategori Teknikal

1. **Johan** Kumpulan Tech Team
2. **Naib Johan** Kumpulan Fast Lane
3. **Tempat Ketiga** Auxi Tech

Saguhati

1. Kumpulan ALPHA

Persembahan Terbaik

Kategori Pengurusan Kumpulan SmartSoul
Kategori Teknikal Kumpulan Fast Lane

Berikut merupakan hadiah kepada pemenang:

- i. **Johan** - Wang Tunai **RM3,000**, Plak dan Sijil
- ii. **Naib Johan** - Wang Tunai **RM2,000**, Plak dan Sijil
- iii. **Tempat Ketiga** - Wang Tunai **RM1,000**, Plak dan Sijil
- iv. **Persembahan Terbaik** - Wang Tunai **RM500**, Plak dan Sijil
- v. **Saguhati** - Wang Tunai **RM500**, Plak dan Sijil

TAHNNIAH DAN SYABAS KEPADA KUMPULAN KIK UTeM!



JOHAN (KATEGORI TEKNIKAL)
Kumpulan TECH TEAM

Hadiah: RM3,000, Plak dan Sijil Penyertaan



SAGUHATI (KATEGORI PENGURUSAN)
KUMPULAN ALPHA

Hadiah: RM500 dan Sijil Penyertaan



NAIB JOHAN (KATEGORI TEKNIKAL)
Kumpulan FAST LANE

Hadiah: RM2,000, Plak dan Sijil Penyertaan



PERSEMBAHAN TERBAIK (KATEGORI PENGURUSAN)
Kumpulan SMART SOUL

Hadiah: RM500, Plak dan Sijil Penyertaan



TEMPAT KETIGA (KATEGORI TEKNIKAL)
Kumpulan AUXI TECH

Hadiah: RM1,000, Plak dan Sijil Penyertaan



PERSEMBAHAN TERBAIK (KATEGORI TEKNIKAL)
Kumpulan FAST LANE

Hadiah: RM500, Plak dan Sijil Penyertaan





Perpindahan

SELAMAT BERPINDAH KE PEJABAT BAHARU

Staf Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)

Disediakan oleh: Sharifah Intan binti Osman



BPA – Satu majlis perpisahan telah diadakan pada 19 Disember 2023 bertempat di *Mr. Cafe*, Taman Tasik Utama untuk meraikan staf bernama Encik Azman bin Azhari yang

bertukar penempatan ke Pusat Hubungan Strategik Korporat dan Global. Majlis ini telah dihadiri oleh semua staf BPA.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Sahhizam bin Maamin, Penolong Pendaftar Kanan dan seterusnya diserikan dengan ucapan penghargaan daripada Encik Misdrom bin Lan, Ketua Bahagian BPA. Dalam ucapan tersebut beliau merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas segala jasa yang telah dicurahkan oleh Encik Azman selama bekerja bersama-sama di BPA.

Sedikit mengenai latar belakang staf yang diraikan, Encik Azman bin Azhari telah berkhidmat di BPA sebagai Pembantu Tadbir Kanan bermula tahun 2021. Beliau telah ditempatkan di Seksyen Senat dan Konvokesyen sehingga 1 Disember 2023. Antara tugas beliau ialah membantu menguruskan Majlis Konvokesyen UTeM Ke-16 sehingga Majlis Konvokesyen UTeM Ke-19.

“Selamat Bertugas” di tempat baharu diucapkan kepada Encik Azman bin Azhari, **semoga segala pengalaman dan kemahiran yang ditimba di BPA dapat dimanfaatkan sebaiknya di tempat baharu kelak.**





Peperiksaan Akhir

SEMESTER I-2023/2024

Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

Disediakan oleh: Mohd Suhairi bin Mohd Saad

Peperiksaan Akhir Semester I Sesi 2023/2024 telah dilaksanakan pada 29 Januari 2024 hingga 8 Februari 2024 bertempat di Kampus Induk, Durian Tunggal dan Kampus Teknologi, Ayer Keroh.

Sepanjang tempoh dua minggu sebanyak **501 kursus** dengan jumlah **pelajar yang terlibat adalah seramai 12458 orang** peperiksaan tersebut diadakan.



Majlis Apresiasi

MERAIKAN PERSARAAN DAN PERTUKARAN PENEMPATAN STAF

Bahagian Sumber Manusia

Disediakan oleh: Ani binti Jaffri

6 Mac 2024 - Bahagian Sumber Manusia (BSM), Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Apresiasi Staf bagi meraikan Puan Faridah binti Ahmad, Ketua Pembantu Tadbir di Seksyen Perjawatan yang akan bersara wajib pada 12 Mac 2024 dan pertukaran Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa, Pegawai Psikologi yang telah bertukar penempatan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) berkuatkuasa mulai 15 Februari 2024.

Majlis ringkas dan santai ini diadakan di Ames Hotel, Ayer Keroh bermula jam 01:00 tengah hari dengan dihadiri oleh semua staf BSM. Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan Puan Faridah dan Encik Muhamad Hazrul yang pastinya tidak dapat dibalas, pihak BSM memberi sedikit cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan di atas segala jasa-jasa dan sumbangan mereka selama berkhidmat bersama BSM. Hadiah ini telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi, YBr. Encik Masdzarif bin Mahat.

Terima Kasih



Puan Faridah dalam ucapannya **berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang perkhidmatan beliau di UTeM khususnya di BSM.** Tambah beliau, **segala kenangan pahit dan manis tentunya akan dikenang sepanjang hayat beliau.**

Pihak BSM juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas segala jasa, sumbangan, dan pandangan yang telah dikongsi oleh beliau selama bertugas di BSM. Semoga Puan Faridah diberikan kesihatan yang baik dan terus berjaya dalam apa jua perkara yang dilakukan di masa hadapan.



Selamat Maju Jaya



Kepada Encik Hazrul, semoga dapat mengekalkan momentum dan kecemerlangan serta menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan komited di pejabat baharu.

PEJABAT KESELAMATAN

UTeM

Disediakan oleh: Azrai bin Abdul Aziz



Tangkapan Haiwan Berbisa Sekitar Kampus UTeM Pada Januari Dan Februari 2024

Sepanjang bulan Januari dan Februari 2024 Unit Kawalan Keselamatan Kampus Induk (UKKI) telah berjaya mengendalikan enam (6) aduan berkaitan anjing terbiar dan haiwan berbisa seperti berikut:

- 2 Jan - Biawak di Masjid Sayyidina Abu Bakar
- 17 Jan - Lebah di FTMK
- 22 Jan - Ular di Loji Kumbahan
- 22 Jan - Lebah di FTKEK
- 30 Jan - Ular di Jalan Raya Utama
- 13 Feb - Ular di FTKEK

Dengan menjunjung slogan Pejabat Keselamatan iaitu **PRIHATIN, SELAMAT DAN SEJAHTERA**, maka kumpulan di bawah kendalian SI/PB Ab Rahim bin Muslim telah berjaya menyelesaikan semua aduan dalam tempoh 24 jam.

Lawatan dan pemeriksaan oleh JPJKK dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan penubuhan agensi Polis Bantuan berdasarkan PTKPN H602.

Sebagai agensi yang telah diluluskan penubuhan Polis Bantuan pada 26 Feb 2013, Polis Bantuan UTeM telah menerima lawatan dan pemeriksaan saban tahun dan kali ini Polis Bantuan UTeM telah memperluaskan skop dan agenda lawatan dengan membentangkan sasaran komitmen yang diperlukan daripada JPJKK IPK Melaka.

Alhamdulillah, delegasi JPJKK yang diketuai oleh DSP Lim telah menzahirkan komitmen bagi meningkatkan kolaborasi dengan Polis Bantuan UTeM dalam inisiatif-inisiatif yang dicadangkan.

Lawatan telah berakhir pada jam 1200 dengan lawatan ke Pos Pos Keselamatan di Kampus Induk. Turut didemonstrasikan adalah penggunaan **Panic Button** yang telah dilancarkan oleh UTeM pada tahun 2022.



19 Mac 2024
Lawatan Dan Pemeriksaan JPJKK Ke Pejabat Polis Bantuan UTeM

Majlis yang diselenggarakan oleh Ketua *Task Force Tiger* dengan bantuan Unit Trafik telah dihadiri oleh 18 orang pegawai dan anggota Pejabat Keselamatan, Polis Bantuan UTeM.

En. Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi semasa hadir telah menyampaikan

cenderahati penghargaan kepada seramai 13 orang anggota *Task Force Tiger* dan 5 orang anggota Unit Trafik.

Turut hadir adalah Ketua Unit Trafik (merangkap Ketua Unit Siasatan).



23 Mac 2024

Majlis Sahur *Task Force* Bersama Ketua Pegawai Operasi Tahun 2024

27 Mac 2024

Majlis Berbuka Puasa Iftar *Task Force* Bersama Ketua Pegawai Operasi Tahun 2024

Majlis yang diselenggarakan oleh Ketua *Task Force Tiger* dengan bantuan Unit Keselamatan Kampus Induk telah dihadiri oleh 18 orang pegawai dan anggota Pejabat Keselamatan, Polis Bantuan UTeM.

En. Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi semasa hadir telah menyampaikan cenderahati penghargaan kepada seluruh anggota yang hadir.

Turut hadir adalah Ketua Bahagian Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi (BGPO) dan Bahagian Sumber Manusia (BSM), Pejabat Pendaftar, Ketua Bahagian Operasi & Pentadbiran, serta Ketua Unit Keselamatan Kampus Induk Pejabat Keselamatan.

Pelaksanaan majlis ini adalah bertepatan dengan SDG 16.



Majlis penyampaian sumbangan kepada petugas hari raya Aidilfitri tahun 2024 adalah julung kali diadakan dengan menggabungkan Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM dan Pusat Islam.

Pada Hari Raya Aidilfitri pertama dan kedua tahun 2024, seramai 34 anggota Polis Bantuan, Pejabat Keselamatan UTeM telah dijadualkan bertugas meliputi 3 waktu kerja bergiliran.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM, Ketua Pegawai Operasi, Penasihat Undang Undang dan Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) UTeM.



5 April 2024
Majlis Penyampaian Sumbangan Petugas
Hari Raya Aidilfitri

Pada 2 Mei 2024 Pejabat Keselamatan telah menerima kunjungan daripada barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang diketuai oleh Saudara Muhammad Haikal bin Johari selaku YDP. Turut hadir adalah Timbalan YDP, Exco Fasiliti dan Keselamatan, Exco Akademik dan Inovasi dan Exco Kebajikan dan Kesukarelawanan Sesi 2023/2024.



2 Mei 2024
Kunjung Hormat Barisan MPP Ke Pejabat
Keselamatan UTeM

Sesi kunjung hormat dimulakan dengan sesi perkongsian fungsi Pejabat Keselamatan dan peranan pelajar dalam mengurangkan peratus jenayah di UTeM.

Pejabat Keselamatan menghargai kerjasama erat ini dan dihujung sesi, kedua-dua pihak bersetuju untuk terus mengekalkan dan meningkatkan komitmen dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UTeM.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Laporan

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Mac - April 2024

Disediakan oleh: Muhammad Afiq Bin Aziz @ Abdul Aziz

Pejabat Pendaftar UTeM Melaksanakan tujuh (7) Aktiviti Mendukung Matlamat Pembangunan Mampan

Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sentiasa aktif melaksanakan sejumlah program dan inisiatif yang bertujuan untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDG menyediakan kerangka kerja yang luas untuk mencapai pembangunan yang mampan, menekankan aspek-aspek seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan berkualiti dan pertumbuhan ekonomi dan kekuatan institusi untuk menyokong matlamat pembangunan mampan.

Berikut adalah tujuh (7) aktiviti yang telah dijalankan oleh Pejabat Pendaftar UTeM bagi menyokong SDG:

Aktiviti 1

Bengkel Pemurnian Terma Rujukan Jawatankuasa Di Bawah Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen UTeM (Siri 1) (17 April 2024)

Bengkel diadakan bertujuan untuk penambahbaikan fungsi dan proses kerja jawatankuasa Majlis Konvokesyen.

SDG 4: Pendidikan berkualiti



Aktiviti 2

Bengkel Pindaan Buku Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik UTeM dan Terjemahan 2024 (17 April 2024)

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk penambahbaikan Buku Peraturan Akademik UTeM selaras perkembangan dan keputusan terkini Senat.

SDG 4: Pendidikan berkualiti



Aktiviti 3

Bengkel Jadual Peperiksaan Akhir Semester II-2023/2024 (22-26 April 2024)

Bengkel ini diadakan bagi menguruskan jadual waktu peperiksaan akhir semester supaya berjalan dengan baik dan lancar.

SDG 4: Pendidikan berkualiti



Aktiviti 4

Secangkir Kopi Bersama Ketua Pegawai Operasi (8 Mac 2024)

Program ini diadakan sebagai platform untuk menyampaikan segala informasi berkaitan hala tuju, perkembangan terkini dan hasrat urus setia kepada seluruh warga baru Gred 41 di UTeM. Secara tidak langsung, ia merapatkan silaturahim dan ukhuwah serta perkongsian maklumat terus di antara staf dan YBr. Ketua Pegawai Operasi.

SDG8: Pekerjaan Berkualiti dan Pertumbuhan Ekonomi

SDG16: Kekuatan Institusi untuk Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan



Aktiviti 5

Kursus Bahasa Melayu Profesional Berimpak Tinggi (4-5 Mac 2024)

Dirancang untuk membekalkan peserta dengan kemahiran berbahasa Melayu yang tinggi dan profesional. Fokus utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, termasuk kecekapan dalam menulis, bertutur, membaca, dan mendengar.

Peserta akan didedahkan kepada pelbagai aspek penggunaan Bahasa Melayu dalam konteks profesional, seperti komunikasi di tempat kerja, penulisan laporan dan penyampaian awam. Kursus ini juga memberi tumpuan kepada penggunaan Bahasa Melayu secara efektif dan tepat untuk mencapai objektif komunikasi yang jelas dan berkesan.

SDG 4: Pendidikan berkualiti

Aktiviti 6

Kursus Asas Kesedaran Keselamatan Kebakaran "Pengukuhan Emergency Response Team UTeM" (5-6 Mac 2024)

Kursus latihan ini disesuaikan untuk memperkenalkan peserta kepada tugas dan tanggungjawab pasukan pemadam kebakaran dan mendapatkan kemahiran yang diperlukan dalam keselamatan kebakaran, pencegahan dan penilaian risiko.

SDG16: Kekuatan Institusi untuk Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan




Aktiviti 7

Kursus Asas Pengurusan Keselamatan Maklumat ISMS ISO 27001 : 2022 (29-30 April 2024)

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada staf berkaitan pengurusan standard ISO/IEC 27001 ISMS bagi keselamatan penyimpanan aset maklumat organisasi seperti maklumat kewangan, harta intelek dan maklumat pekerja.

Kursus ini juga memberi peluang kepada organisasi melihat segala keperluan dan perubahan pada piawaian 27001:2022 berbanding dengan ISO 27001:2013.

SDG 4: Pendidikan berkualiti





Bengkel

PERATURAN AKADEMIK

Tahun 2024

Disediakan oleh: Mohd Suhairi bin Mohd Saad



Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) telah mengadakan Bengkel Peraturan Akademik 2024 pada 17 April 2024. Peserta bengkel terdiri daripada Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan setiap Fakulti, wakil Pejabat Bendahari dan wakil daripada Pejabat Penasihat Undang-undang.

Tujuan utama bengkel tersebut diadakan adalah untuk pemurnian isi kandungan Buku Peraturan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Hal ini disebabkan, ada peraturan-peraturan baru yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Senat yang perlu dinyatakan di dalam Buku Peraturan Akademik tersebut.



Pelaksanaan

AUDIT DALAMAN TAHUN 2024 SISTEM PENGURUSAN KUALITI

MS ISO 9001:2015

Disediakan oleh: Muhammad Afiq Bin Aziz @ Abdul Aziz

Pada 10 Mei 2024, Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Tahun 2024 telah dilaksanakan di Pejabat Pendaftar dengan jayanya. Audit yang dijalankan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian kualiti antarabangsa dan untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti di Pejabat Pendaftar.

Audit dalaman yang dilaksanakan pada hari tersebut berakhir dengan hasil yang memberangsangkan, di mana **tiada ketakakuran (Non-Conformance Report (NCR))** yang dilaporkan.



Secara keseluruhan, Pejabat Pendaftar telah melaksanakan proses kerja ke arah peningkatan kualiti yang lebih baik dan mematuhi keperluan standard MS ISO 9001: 2015. Sepanjang kerja pengauditan dijalankan, staf Pejabat Pendaftar telah memberikan kerjasama yang baik dan memahami dasar kualiti dengan baik




Ini menunjukkan bahawa tiada ketakakuran terhadap keperluan standard MS ISO 9001:2015 yang ditemui, mencerminkan tahap kepatuhan yang tinggi serta komitmen Pejabat Pendaftar terhadap kualiti.

Unit Dasar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua staf dan *Auditor* yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya semasa audit dijalankan. Kejayaan ini adalah hasil daripada dedikasi dan komitmen seluruh staf Pejabat Pendaftar dalam mengekalkan dan meningkatkan sistem pengurusan kualiti.

Dengan hasil audit ini, Pejabat Pendaftar terus bertekad untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan memastikan pematuhan terhadap piawaian kualiti, demi mencapai kecemerlangan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi.



Pembentangan dapatan oleh pasukan *auditor* Audit Dalaman



Perbincangan semasa mesyuarat Penutup Audit Dalaman



Mesyuarat Penutup Audit Dalaman



PROSES PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF UTeM TAHUN 2024

PEGAWAI YANG DILANTIK ADALAH LAYAK DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN APABILA TELAH :



STAF PENTADBIRAN

STAF AKADEMIK

SYARAT LAIN YANG DITENTUKAN OLEH UNIVERSITI



Sumber oleh: Unit Pengurusan Sistem Maklumat & Pengesahan Staf, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar
Disediakan oleh: Unit Inovasi & Pemesyuaratan, Bahagian Governance & Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar



V2



KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT KEPADA STAF YANG GENAP 10 TAHUN PERKHIDMATAN DI UTeM

Tambahan kadar kelayakan Cuti Rehat Tahunan diberi kepada staf yang telah **Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan Di UTeM** berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 11 Tahun 2016 (Kadar Kelayakan Kemudahan Cuti Rehat Tahunan Staf di UTeM)

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	KURANG 10 TAHUN Perkhidmatan yang Melayakkan				GENAP 10 TAHUN Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

Apa maksud genap 10 tahun perkhidmatan?

Genap 10 tahun perkhidmatan diambil kira daripada tarikh lantikan tetap pertama dalam perkhidmatan di UTeM.




Apa maksud tempoh perkhidmatan yang melayakkan?

Tempoh 'perkhidmatan yang melayakkan' bermakna perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang staf dan terdiri daripada masa-masa bertugas, cuti rehat dan cuti sakit dan tidak termasuk cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji, cuti haji, cuti sakit tibi, kusta & barah dan cuti belajar.

Simulasi 1

Tarikh lapor diri di UTeM : 26/01/2003
DS45 (Tetap)



Simulasi 2

Tarikh lapor diri di UTeM : 15/03/2006
N19 (Tetap)



Sumber oleh: Unit Saran & Cuti, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftaran
Disediakan oleh: Unit Inovasi & Permesyuaratan, Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftaran



perkhidmatan@utem.edu.my



Peraturan SKIM **EX-GRATIA** BENCANA KERJA



BENCANA KERJA

KEMALANGAN

yang berlaku di luar kawalan pegawai semasa menjalankan tugas rasmi.

PENYAKIT KHIDMAT

KEMALANGAN

kemalangan yang berlaku pada bila-bila masa disebabkan oleh perbuatan anasir-anasir jahat seperti balas dendam dan sebagainya akibat tugas rasmi pegawai.

BENCANA KERJA TERMASUK:

semasa dalam perjalanan lazim dan munasabah pergi/balik dari tempat kediaman ke tempat bertugas

semasa dalam perjalanan ke mana-mana tempat untuk bertugas rasmi/berkursus

semasa waktu rehat rasmi atau waktu rehat yang dibenarkan

perjalanan pergi/ balik dari tempat kediaman ke pekan berdekatan untuk mendapatkan perkhidmatan dan keperluan asas harian, khusus bagi pegawai yang berkhidmat di lokasi yang disenaraikan

penyertaan dalam aktiviti sukan (termasuk perjalanan) di peringkat antarabangsa, kebangsaan, kementerian dan di peringkat Universiti serta Pusat Tanggungjawab

Bayaran faedah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja akan dibuat secara pukal dan/atau bulanan. Jenis faedah adalah seperti berikut:

TAHAP HILANG UPAYA KEKAL (HUK)

JENIS FAEDAH

HUK sebanyak 20% atau kurang

Ex-Gratia Pukal

HUK yang melebihi 20%

i. Ex-Gratia Pukal; dan
ii. Ex-Gratia Bulanan

HUK 100% dan disahkan sentiasa memerlukan layanan tersendiri daripada orang lain

i. Ex-Gratia Pukal;
ii. Ex-Gratia Bulanan; dan
iii. Elaun Layanan Sentiasa

Bencana kerja yang mengakibatkan kematian

Ex-Gratia Waris

Permohonan bayaran Skim Ex-Gratia Bencana Kerja hendaklah dibuat melalui borang permohonan.

Kuasa menimbang dan memutuskan permohonan Skim ExGratia Bencana Kerja adalah PANEL PEGAWAI YANG DILANTIK OLEH UNIVERSITI

"MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN"

Disediakan oleh:
Unit Inovasi & Pemesyuaratan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi
Pejabat Pendaftaran

facebook.com/utem

instagram.com/utem

twitter.com/utem



Pengenalan Kaunseling

Suatu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien (Akta Kaunselor 1998)

Secara umumnya, boleh disimpulkan bahawa kaunseling menolong seseorang klien:

- 01 Memahami diri dan situasinya
- 02 Mengenal pasti keperluannya
- 03 Menerima realiti hidupnya
- 04 Membuat perancangan yang realistik untuk mengendalikan hidupnya
- 05 Bertanggungjawab ke atas diri dan perbuatannya

Cara Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling boleh dijalankan dengan membuat janji temu melalui :-

- a. Datang terus ke Unit Psikologi dan Kaunseling
- b. Panggilan Telefon
- c. E-mel
- d. Surat

Waktu Perkhidmatan

Isnin – Khamis
08:30 pagi – 12:30 tengahari
02:30 petang – 04:30 petang

Jumaat
08:30 pagi – 12:00 tengahari
03:00 petang – 04:30 petang

Lokasi

Unit Psikologi dan Kaunseling
Seksyen Kesejahteraan
Personel
Bahagian Sumber Manusia
Pejabat Pendaftaran
Aras 3, Bangunan Canselor

Hubungi Kami

Puan Hadibah Binti Tahir K.B.P.A (MAL)
Pegawai Psikologi
E-mel : hadibah@utem.edu.my
Tel : 06-2701365

Enck. Sharul Izwan Bin Adnan
Pembantu Tadbir Kanan
E-mel : sharulizwan@utem.edu.my
Tel : 06-2702842

Puan Nor Azlinawati Binti Daud
Pembantu Tadbir Kanan
E-mel : azlinawati@utem.edu.my
Tel : 06-2701106

Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling



1 Kaunseling Individu

Satu proses perhubungan menolong secara bersemuka diantara seorang kaunselor dengan seorang klien

Kaunseling Kelompok


Satu proses perhubungan menolong secara bersemuka antara seorang atau lebih dengan beberapa orang klien

2



3 E - Kaunseling /Tele Kaunseling

Satu bentuk perhubungan menolong secara tidak bersemuka antara seorang kaunselor dengan klien



4 Penaksiran Ujian Psikologi

Merupakan satu kaedah pengukuran untuk melihat dan mengenalpasti ciri-ciri psikologikal seperti tret personaliti, kompetensi, konsep kendiri, tahap stress, kemurungan, komunikasi dan lain-lain



5 Program Psikopendidikan

Merupakan program yang menekankan aspek pertumbuhan, perkembangan dan pencegahan. Antara program-program yang dilaksanakan ialah kebolehan daya tindak (coping ability), pengurusan marah, pengurusan stres, pengurusan masa, analisa pembuatan keputusan, pengurusan kebimbangan, kemahiran keibubapaan, AKRAB dan lain-lain



6 Perkhidmatan Konsultasi

Menyediakan perkhidmatan konsultasi psikologi kepada staf



Sumber oleh: Unit Psikologi & Kaunseling, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftaran

Disediakan oleh: Unit Insan & Peningkatan, Bahagian Sumber Manusia & Peningkatan Organisasi, Pejabat Pendaftaran



Aktiviti **STAR** Kelab Staf Pejabat Pendaftar @ Starian's



8 Mac 2024
**Majlis Bacaan Yassin Sempena Menyambut
Ramadan Al-Mubarak**



Aktiviti **STAR** Kelab Staf Pejabat Pendaftar @ Starian's



18 Mac 2024

Persiapan dan Majlis Iftar Pejabat Pendaftar

Aktiviti **STAR** Kelab Staf Pejabat Pendaftar @ Starian's



8 Mei 2024
Mahabah Aidilfitri Pejabat Pendaftar



Aktiviti **STAR** Kelab Staf Pejabat Pendaftar @ Starian's



5 April 2024
**Sesi Penggambaran Aidilfitri Pejabat Pendaftar
2024**





MINTALAH KEPADA ALLAH

Meskipun Sekadar Tali Kasut

Disediakan oleh: Khusairi bin Ramli

Tidak kira siapa pun kita di atas dunia ini, kita semua adalah hamba-Nya yang lemah. Apa yang kita miliki hakikatnya hanyalah sekadar pinjaman daripada Pemilik sekalian alam ini. Ia boleh dimanfaatkan, tapi tidak dimiliki sepenuhnya. Sungguhpun telah tertulis nama kita di atas geran rumah dan kenderaan misalnya, itu hanyalah hukum dunia. Sebenarnya, itu hanyalah hak untuk menggunakannya sahaja. Kelak semua harta itu akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Halalnya dihisab dan haramnya diazab.

Sebagai seorang hamba yang kerdil, kita tidak mempunyai apa-apa. Kita miskin, lemah dan tidak berkuasa. Hidup kita sepenuhnya bergantung kepada Allah. Oleh sebab itulah,

inti suatu ibadah itu adalah menunjukkan penghambaan dan kehinaan diri di hadapan Allah Tabaraka wa Taala, memperlihatkan kefakiran serta rasa memerlukan kepada-Nya.

Pertanyaannya, sudahkah hal itu ada pada diri kita? Bagaimanakah kebergantungan kita kepada Allah?

Allah Taala berfirman maksudnya:

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.

[Surah Ghafir: 60]

Coretan

Dalam satu hadis qudsi, Allah Taala berfirman maksudnya:

“Wahai hamba-Ku, kalian semua kelaparan, kecuali orang yang Aku berikan makan. Maka mintalah makan kepadaku, nescaya aku akan berikan. Wahai hamba-Ku, kalian semua tidak berpakaian, kecuali yang aku berikan pakaian, Maka mintalah pakaian kepada-Ku, niscaya akan aku berikan.”

[Sahih Muslim, no. 2577]

Rasulullah SAW pernah berpesan kepada Ibn ‘Abbas RA maksudnya:

“Apabila kamu meminta, mintalah kepada Allah. Apabila kamu meminta pertolongan, mintalah dengan Allah. Ketahuilah, jika suatu kumpulan manusia berpakat untuk memberikan manfaat kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikan apa-apa melainkan apa yang telah ditulis oleh Allah untukmu. Jika mereka berpakat untuk menimpakan mudarat kepadamu, mereka tidak akan mampu menimpakan apa-apa melainkan apa yang telah Allah tuliskan ke atasmu.”

[Jami’ at-Tirmizi, no. 2516]

Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Hendaklah kalian berdoa dan meminta kepada Rabbnya segala hajatnya, meskipun jika ingin meminta garam atau tali kasut apabila ia terputus.”

[Jami’ at-Tirmizi, no. 3604]

Pernakah kita meminta tali kasut atau seumpamanya kepada Allah? Jika kita menelusuri kisah hidup generasi awal Salafus Soleh, maka kita akan berasa sangat malu. Bukan kerana apa, tapi kerana mereka benar-benar menerapkan semangat hadis itu dalam kehidupan mereka.



Imam Ibnu Rajab rahimahullah (m. 795H) berkata maksudnya:

“Dahulu ada di antara salaf itu yang meminta kepada Allah dalam solatnya segala macam keperluan hidupnya, bahkan termasuk garam untuk adunannya dan tali kekang untuk kambingnya.”

[Jami’ al-‘Ulum wa al-Hikam, 1/225]

Subhanallah. Begitu tinggi kebergantungan mereka kepada Allah. Seyogianya mereka menjadi umat Nabi Muhammad SAW terbaik yang pernah hidup di muka bumi ini. Adapun kita, sudahkah kita berusaha menjadi seperti itu? Meminta segalanya hanya kepada Allah? Pernahkah kita berdoa meminta garam dalam solat kita?

Mulai saat ini, marilah kita tanamkan rasa kebergantungan kepada Allah semata-mata. Ketika berdoa, zahirkanlah kehinaan, kefakiran dan betapa perlunya kita kepada pertolongan Allah. Berdoalah dengan hati yang tulus kepada-Nya, meminta segala sesuatu, daripada sekecil-kecil perkara hinggalah sebesar-besar perkara.